



[Home](#) / [2025](#) / [January](#) / Majlis Kecemerlangan Kokurikulum 2025: UiTM Johor Kekal Unggul Melahirkan Pemimpin Masa Depan

GRU2025

09/01/2025 / DATUK ISKANDAR MOHD NOR HASSAN HASSAN



SEGAMAT, 5 Januari 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Segamat sekali lagi mencatat sejarah dengan penganjuran Majlis Kecemerlangan Kokurikulum 2025 yang penuh gemilang. Program ini menghimpunkan lebih 2,000 tetamu termasuk pelajar, staf, dan jemputan kehormat dalam satu majlis yang menjadi mercu tanda pengiktirafan kepada kecemerlangan pelajar dalam bidang kokurikulum.

Majlis ini juga menandakan pembukaan program Pusat Kokurikulum tahun 2025 dengan visi untuk melahirkan pelajar yang berjati diri dan membentuk DNA UiTM yang berteraskan nilai kepimpinan, disiplin, dan semangat kesukarelawanan. Inisiatif ini dirintis oleh Brigedier Jeneral Kesatria Profesor Madya Dr. Saunah binti Zainon, Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Johor, yang menjadikan program ini sebagai pelopor di UiTM. Menurut Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), program ini akan dijadikan model untuk dilaksanakan di 13 cawangan UiTM lain.

Kehadiran YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor merangkap ADUN Buloh Kasap, menjadi inspirasi kepada pelajar dan warga UiTM. Dalam ucapan beliau, Dato' Zahari menzahirkan rasa bangga terhadap sumbangan pelajar UiTM Johor, khususnya melalui program kesukarelawanan seperti bantuan pasca banjir yang sering mendapat pujian masyarakat.

Dato' Zahari juga mengumumkan sumbangan RM10,000 kepada Unit Kokurikulum UiTM Segamat sebagai tanda sokongan terhadap usaha gigih universiti ini dalam membangunkan pelajar. Keikhlasan beliau turut terserlah melalui pelbagai tajaan sebelum ini, termasuk makan malam pentauliah pada tahun 2023 dan majlis minum petang sukarelawan pada awal tahun 2024. UiTM Segamat juga diiktiraf sebagai UiTM Angkat ADUN Buloh Kasap, melambangkan hubungan erat antara institusi ini dengan komuniti setempat.

Majlis ini turut meraikan kejayaan pelajar yang berjaya menamatkan Latihan Intensif Bakal Komander Siri 39 dan Latihan Intensif Brass Band Siri 36. Persembahan mereka menggambarkan dedikasi tinggi dan keberkesanan kolaborasi antara Unit Kokurikulum, Majlis Perwakilan Komander Kesatria, dan Jawatankuasa Kompeni Brass Band.

Dalam kata aluan beliau, Brigedier Jeneral Kesatria Profesor Madya Dr. Saunah binti Zainon menegaskan bahawa UiTM sebagai universiti terbesar di Malaysia dengan lebih sejuta alumni terus komited membentuk pelajar yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat. Dengan hampir 8,000 pelajar dan lebih 1,000 staf di Kampus Segamat, UiTM bukan sahaja memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan sosial tetapi juga menjadi institusi pendidikan unggul yang melahirkan generasi pemimpin berkualiti.

Menurut Kolonel Kesatria Irwan bin Ismail, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Johor, majlis ini menjadi simbol kecemerlangan UiTM dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja berdedikasi dan berdisiplin, tetapi juga memiliki jiwa kepimpinan yang unggul. Beliau turut memuji peranan Leftenan Kolonel Kesatria Ujud bin Pabil, Penolong Pendaftar Kanan Kokurikulum dan Penasihat Majlis Perwakilan Komander Kesatria Batalion VI, yang menjadi nadi utama di sebalik kejayaan program ini. Dedikasi dan kepimpinan beliau telah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan cemerlang, menjadikan program ini satu pencapaian yang luar biasa.

Majlis Kecemerlangan Kokurikulum 2025 menonjolkan dedikasi UiTM dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga memiliki nilai kepimpinan dan kesukarelawanan yang tinggi. Dengan gabungan sokongan pemimpin masyarakat, staf yang berdedikasi, dan pelajar yang bersemangat, UiTM terus melangkah ke hadapan sebagai institusi pendidikan unggul.

Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Keberkesanan dan kejayaan usaha ini menjadi bukti bahawa UiTM terus menjadi simbol kegemilangan pendidikan dan pemangkin kepada generasi pemimpin masa depan.

Penulis Utama: Mohd Nor Hajar Hasrol, Dr. *Saunah Zainon*

Penulis Bersama: Nor Azlin Rosli, Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Zainal Fikri Zamzuri, Dr. Jamaluddin Jasmis



Tags: [Majlis Kecemerlangan Kokurikulum 2025](#), [Unit Kokurikulum UiTM Segamat](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\) Cawangan Johor Kampus Segamat](#)

< [Perkukuh Kesedaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Anjuran FSG UiTM Terengganu](#)

[UiTM Melahirkan Pemimpin Pelajar Unggul melalui Latihan Intensif Kokurikulum](#) >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

